



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
17 OGOS 2018 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|---|----|
| - Monyet liar ancam penduduk | 34 |
| - Peniaga asing: PBT mesti berani bertindak | 12 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 17 OGOS 2018 (JUMAAT)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Monyet liar ancam penduduk
Muka Surat	34

Monyet liar ancam penduduk

SH m/s 34 17/8/2018

Ceroboh kawasan surau taman, cari makanan

AHMAD ISMADI ISMAIL

TERATAI

Gangguan monyet liar dan babi hutan menimbulkan kebimbangan penduduk di Taman Melur dan Taman Saga, di sini.

Penduduk, Mohd Firdaus Arif berkata, kehadiran sekumpulan monyet liar sejak enam bulan lalu itu menimbulkan ketidakselesaan penduduk terutamanya ketika mereka mahu melakukan ibadah dan menghadiri ke majlis ilmu di surau.

"Sekumpulan monyet ini datang pada jam 5 hingga 7 pagi dan Maghrib, haiwan ini akan mencuri makanan yang disediakan untuk jemaah surau, malah pernah memecahkan pinggan yang disimpan di stor," katanya.

Mohd Firdaus berkata, monyet tersebut juga menyelongkar sampah yang dibuang di hadapan rumah untuk mencari sisa makanan.

"Sampah yang dikumpulkan depan rumah pun berselerak sebab monyet tu cari makan.

"Kawasan berkenaan jadi kotor dan mengundang bau busuk," katanya.

Menurutnya, sebelum ini taman perumahan itu jarang didatangi haiwan liar bagaimanapun sejak kebelakangan ini monyet itu sering kali kelihatan berkeliaran.

"Haiwan ini dipercayai datang dari hutan berhampiran, berkemungkinan habitatnya sudah musnah akibat projek pembangunan.

"Kita bimbang haiwan liar tu bertindak ganas serang kanak-kanak dan memecah masuk rumah cari makanan di dapur," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Saga, Masli Surat berkata, penduduk mendakwa ternampak empat hingga lapan ekor babi hutan berkeliaran khususnya di jalan keluar masuk surau kawasan perumahan itu.

"Setakat ini haiwan ini belum menyerang manusia, namun penduduk perlu berwaspada," katanya.

Dalam perkembangan sama, Pegawai Khas Adun Teratai, Mohd Firdaus Babb, pihaknya telah memaklumkan perkara itu kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Selangor sejak dua minggu lalu untuk tindakan lanjut.

"Adun Teratai, Brian Lai Wai Chong mahu isu ini diselesaikan segera demi keselamatan dan kesejahteraan penduduk," katanya.

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Mohamad Samat berkata, isu ini perlu dipandang serius oleh agensi berkaitan.

"Saya berharap Perhilitan dapat memberi kerjasama sepenuhnya bagi mengatasi aduan masyarakat di Taman Melur dan Taman Saga," katanya.

Selain monyet liar, babi hutan juga berkeliaran memasuki kawasan taman perumahan

dan Taman Negara (Perhilitan) Selangor sejak dua minggu lalu untuk tindakan lanjut.

"Adun Teratai, Brian Lai Wai Chong mahu isu ini diselesaikan segera demi keselamatan dan kesejahteraan penduduk," katanya.

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Mohamad Samat berkata, isu ini perlu dipandang serius oleh agensi berkaitan.

"Saya berharap Perhilitan dapat memberi kerjasama sepenuhnya bagi mengatasi aduan masyarakat di Taman Melur dan Taman Saga," katanya.

Firdaus (kiri) dan Mohamad (tengah) bersama penduduk meninjau lokasi yang seringkali menjadi tumpuan haiwan liar.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 17 OGOS 2018 (JUMAAT)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Peniaga asing: PBT mesti berani bertindak
Muka Surat	12

SH mik 12 17/8/2018

Peniaga asing: PBT mesti berani bertindak

KERAJAAN menegaskan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu berani mengambil tindakan ke atas mana-mana warga asing yang berniaga di negara ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, undang-undang telah jelas menyatakan warga asing tidak dibenarkan berniaga secara kecil-kecilan.

"Undang-undang dah ada cuma penguatkuasaan itu, PBT perlu berani mengambil tindakan.

"Ini mesti ada satu kesungguhan di mana jika PBT betul-betul mahu membanteras warga asing berniaga," katanya ketika menjawab soalan pada sesi Pertanyaan -Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Menurutnya, kerajaan tidak mengeluarkan permit berniaga kepada mana-mana warga asing bagi menjalankan perniagaan kecil.

"Sudah keluar pekeliling di mana warga asing tidak dibenar berniaga kecil-kecilan.

"Permit hanya dikeluarkan kepada warga Malaysia sahaja. Pemilik permit itu mesti berada di premis sepanjang masa," katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan PBT boleh menyita mana-mana premis terlibat secara serta merta tanpa mengeluarkan amaran terlebih dahulu.